

MENGATASI KRISIS NILAI DALAM ASUHAN KANAK-KANAK: MODEL MANHAJ RABBANI SEBAGAI SOLUSI

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Calon Phd Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam di Universiti Islam Selangor
E-mail: norsaadah@uis.edu.my

Mariam Abd Majid
Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam Universiti Islam Selangor
E-mail: mariam@uis.edu.my

Hamidun bin Husin
Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam Universiti Islam Selangor
E-mail: hamidun@uis.edu.my

Kamal Azmi Abd Rahman
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia
kamalazmi@usim.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat menghadapi pelbagai cabaran sosial pada masa kini. Salah satu cabaran utama ialah krisis nilai dalam asuhan kanak-kanak, di mana elemen moral dan akhlak semakin terpinggir dalam kehidupan seharian. Kajian menunjukkan bahawa faktor seperti kemajuan teknologi, pengaruh media sosial, dan perubahan struktur keluarga telah menyumbang kepada penurunan nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda (Al-Attas, 2019). Oleh itu, objektif penulisan ini mengenal pasti faktor-faktor penyebab krisis nilai dalam asuhan kanak-kanak, menganalisis dan menilai model manhaj rabbani sebagai pendekatan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berdasarkan kajian literatur iaitu analisis sumber akademik seperti buku, jurnal, dan laporan berkaitan krisis nilai dan manhaj rabbani, analisis konseptual melalui pembentukan model asuhan berdasarkan prinsip manhaj rabbani melalui kajian terhadap teks Islam klasik dan moden dan kajian empirikal dengan merujuk kepada kajian terdahulu mengenai keberkesanan pendekatan nilai rabbani dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pendekatan berteraskan manhaj rabbani yang berpandukan wahyu Ilahi dan Sunnah Rasulullah SAW dapat menjadi solusi dalam menangani isu ini.

Kata kunci: krisis nilai; asuhan kanak-kanak; manhaj rabbani; solusi

1. PENGENALAN

Hakikat asuhan kanak-kanak merupakan satu proses penting dalam pembentukan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kanak-kanak memiliki keupayaan semula jadi untuk belajar dengan cepat melalui pemerhatian dan interaksi dengan persekitaran (Vygotsky, 1930). Keupayaan ini, jika dipupuk secara positif melalui asuhan yang holistik, akan membentuk asas perkembangan sosial dan emosi yang kukuh. Sebaliknya, jika dibiarkan tanpa bimbingan yang betul, ia boleh membawa kepada perkembangan tingkah laku negatif serta krisis nilai dalam kalangan kanak-kanak (Medicine, 2023).

Namun hari ini, laporan media sering memaparkan kes penderaan, pengabaian, dan pencabulan hak kanak-kanak yang meragut kesejahteraan mereka, bahkan ada yang membawa kepada kematian. Fenomena ini menunjukkan bahawa krisis nilai dalam asuhan bukanlah isu terpencil, sebaliknya berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait. Antara punca utama termasuklah kemajuan teknologi yang tidak disertai kawalan nilai, pengaruh media sosial yang membentuk pemikiran dan

tingkah laku secara pasif, serta perubahan struktur keluarga seperti perceraian, konflik rumah tangga, dan tekanan kewangan (Joanne D Worsley 1, 2018).

Ibu bapa yang berhadapan dengan tekanan ekonomi sering kali gagal menyediakan keperluan asas dan sokongan emosi kepada anak-anak (Paula, 2024), menyebabkan mereka berasa tidak dihargai dan kurang selamat. Tambahan pula, kurangnya pendidikan agama dalam kalangan ibu bapa atau penjaga turut menyumbang kepada kegagalan dalam menerapkan nilai murni seperti empati, tanggungjawab, dan hormat-menghormati. Pengaruh persekitaran serta rakan sebaya yang negatif juga mempercepatkan keruntuhan nilai tersebut. Peranan pengasuh di TASKA dan pendidik di TADIKA juga tidak kurang pentingnya. Ini kerana mereka ibarat ibu kedua bagi kanak-kanak sepanjang ibubapa mereka keluar bekerja turut mempengaruhi nilai asuhan yang diberi.

Sehubungan itu, memandangkan kanak-kanak berada dalam tahap perkembangan yang cepat dan bersifat meniru, maka amat penting bagi orang dewasa di sekeliling mereka untuk menunjukkan contoh teladan yang baik melalui perlakuan dan komunikasi harian. Asuhan yang berasaskan nilai dan kasih sayang bukan sahaja melindungi hak kanak-kanak, malah menyumbang kepada pembentukan generasi yang beretika dan berakhlak tinggi.

2. METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap jurnal akademik dan beberapa dokumen seperti Akta Kanak-kanak 2001, statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan statistik kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan yang kebanyakannya tidak dapat diperolehi dari sumber sekunder.

3. KAJIAN LITERATUR

Krisis merupakan suatu penanda aras dalam kehidupan individu sama ada individu itu mampu untuk menangani krisis dan meneruskan hidupnya ataupun sebaliknya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), krisis didefinisikan sebagai keadaan tidak stabil atau keadaan tidak tenteram yang secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian seperti perkembangan atau perubahan. Kebiasaannya, krisis merujuk kepada keadaan yang genting yang telah mencapai peringkat yang membimbangkan. Krisis berbeza dengan konflik, di mana konflik merujuk kepada perbezaan pandangan atau pendapat, manakala krisis lebih merujuk kepada konflik yang kronik dan mendatangkan kesan buruk. Krisis nilai dalam asuhan merupakan krisis yang lebih utama perlu diambil perhatian selain krisis ekonomi dan krisis air sejagat yang juga merupakan antara krisis yang memberikan impak besar kepada individu, masyarakat dan negara (Nwoko, 2025).

Kanak-kanak pula ditakrifkan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Berdasarkan statistik anggaran penduduk 2024, jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dianggarkan 9.14 juta, iaitu 26.9 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia (34.06 juta). Bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur 18 tahun masing-masing ialah 4.72 juta dan 4.42 juta. Sementara itu, komposisi kanak-kanak di bawah umur 5 tahun pada 2024 ialah 2.36 juta atau 6.9 peratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia. Bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur 5 tahun masing-masing ialah 1.22 juta dan 1.14 juta (DOSM, 2024). Oleh itu, kerajaan amat mengambil berat tentang kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak. Salah satunya adalah dengan mewujudkan Akta Kanak-Kanak 2001, Seksyen 2 (1) Akta 611 (Akta Kanak-Kanak 2001). Walaupun jumlah kanak-kanak dilihat menurun, tetapi kes-kes keganasan terhadap kanak-kanak

semakin meningkat setiap tahun. Hampir setiap hari, akhbar-akhbar mendedahkan pelbagai episod penderaan kanak-kanak, sama ada fizikal, emosi atau seksual (Nur Hanis, 2022).

Apakah punca perkara ini berlaku? Penulisan ini mengenalpasti krisis nilai dalam asuhan kanak-kanak dari tiga aspek iaitu pertama penggunaan teknologi yang tidak terbatas. Kanak-kanak juga adalah golongan yang tidak terkecuali daripada merasai tempas ledakan perkembangan teknologi yang telah memberi impak amat besar terhadap kehidupan mereka sama ada dari aspek perkembangan fizikal, sahsiah, sosio emosi dan kerohanian serta perkembangan deria, pemahaman dan dunia persekitaran (Naquiah, 2017). Akibat penggunaan teknologi yang tidak terkawal antara salah satu sebab kanak-kanak mengalami masalah berat badan akibat tabiat pemakanan yang tidak sihat dan kekurangan aktiviti fizikal (Irsyad, 2024). Ini kerana kanak-kanak lebih cenderung untuk menjadi tidak produktif atau digelar sebagai '*couch potato*' yang bermaksud selesa duduk dan baring berjam-jam lamanya menggunakan gadget, menonton TV dan sebagainya.

Penggunaan peralatan teknologi moden turut memberi impak negatif kepada perkembangan saraf motor kanak-kanak. Aktiviti menyentuh skrin tablet, telefon bimbit atau gadget yang terlalu kerap menyebabkan kemahiran motor halus, iaitu pergerakan jari mereka kurang berkembang. Kanak-kanak yang telah didedahkan dengan penggunaan teknologi moden hanya dapat bermain buih, menyentuh rumput, dan menguli tanah liat hanya di skrin gadget tanpa dapat merasa dan menghidu bau bahan yang sebenar. Keadaan ini menyebabkan '*motor skills*' dan '*sensory skills*' kanak-kanak terbantut dan tidak dapat berkembang, sedangkan pergerakan dan pengalaman sebenar amat penting untuk membantu pertumbuhan mereka di samping membina otot yang kuat serta mengenal pasti kebolehan diri sendiri. Keasyikan kepada melayari internet, menonton televisyen, menggunakan gadget dan pelbagai sumber teknologi moden yang lain turut menyebabkan kanak-kanak kurang berinteraksi dengan orang lain dan bersikap '*introvert*'.

Kajian di Australia menyebut "*technoference*" ibu bapa terlalu fokus pada peranti semasa bersama anak menyebabkan gangguan perkembangan kognitif & afektif, melemahkan hubungan emosi dan kesedaran sosial anak (Nwoko, 2025). Selain itu faktor *parental phubbing* dan *smartphone addiction* akibat orang dewasa yang diamanahkan untuk melindungi kanak-kanak sering kali menggunakan *smartphone* secara berlebihan sehingga mengabaikan permintaan dari anak serta menganggap tiada kepentingan dan keperluan dalam memenuhi emosi dan perilaku anak. Dalam hal ini perilaku tersebut membawa fenomena *parenting phubbing* menyebabkan kanak-kanak merasa tidak dipedulikan. (Rindi, 2024) (Zhang, 2023). Akibat teknologi tidak dikendalikan secara berkesan, nilai-nilai seperti empati, kesabaran, kendiri dan interaksi sosial akan merosot.

Di satu sisi yang lain, media sosial menawarkan akses informasi yang cepat dan melimpah. Namun, ia juga menyajikan krisis dalam membentuk nilai dan karakter. Pendidikan nilai dan karakter, yang seharusnya menjadi tanggung jawab keluarga, sekolah, dan masyarakat, kini harus menghadapi persaingan dengan pengaruh media sosial yang kerap kali bersifat destruktif dan menggugat kestabilan. Era digital yang berkembang pesat ini, ibu bapa, pengasuh dan orang dewasa kini lebih mudah berkongsi momen-momen istimewa kehidupan kanak-kanak mereka di media sosial seperti Instagram, Facebook, Tiktok, dan lain-lain. Fenomena ini dikenali sebagai "*sharenting*", iaitu gabungan antara perkataan "*share*" (kongsi) dan "*parenting*" (keibubapaan).

Sharenting adalah satu amalan di mana ibu bapa berkongsi gambar, video, atau cerita mengenai anak-anak mereka di platform digital untuk tatapan umum. Walaupun niat asalnya adalah untuk berkongsi kebahagiaan, ia membawa pelbagai risiko yang perlu diberi perhatian serius oleh ibu bapa (Kamarudin, 2025). Salah satu risiko yang paling ketara dalam *sharenting* adalah ancaman terhadap privasi anak-anak. Ketika ibu bapa berkongsi gambar atau maklumat peribadi anak tanpa persetujuan

atau pemahaman mereka, ia boleh memberi kesan jangka panjang yang tidak dapat diramalkan. Setiap perkongsian di media sosial berpotensi untuk disalahgunakan, terutamanya apabila data tersebut jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Dunia maya adalah tempat yang terdedah dengan pelbagai ancaman seperti kecurian identiti, buli siber, atau eksploitasi seksual. Anak-anak yang gambarnya sering dimuat naik oleh ibu bapa mereka berisiko menjadi sasaran eksploitasi digital atau jenayah dalam talian. Gambar yang sering dikongsi oleh ibu bapa boleh digunakan oleh individu tidak bertanggungjawab untuk tujuan yang tidak baik, seperti penipuan, pemerasan, atau perisian yang merosakkan (Raluca A. Briazu, 2021).

Anak-anak mungkin merasa bahawa kehidupan mereka tidak lagi menjadi milik mereka sendiri dan mereka boleh menjadi objek yang digunakan untuk mendapatkan perhatian dari dunia luar. Dalam jangka masa panjang, ini menjejaskan hubungan ibu bapa dan anak, kerana anak-anak mungkin merasa tidak dihargai sebagai individu yang berhak menentukan batasan mereka sendiri. Amalan *sharenting* ini boleh mencetuskan kebimbangan mengenai pelanggaran hak privasi anak-anak yang dilindungi oleh undang-undang seperti Akta Kanak-Kanak 2001 (Kamarudin, 2025).

Krisis nilai dalam asuhan kanak-kanak turut dipengaruhi oleh perubahan struktur keluarga, seperti perceraian ibu bapa, pergaduhan antara ibu bapa atau adik-beradik, penangkapan ahli keluarga oleh pihak berkuasa, kemalangan, penyakit mental, kelahiran anak kurang sempurna atau orang kelainan upaya (OKU), kehamilan luar nikah, keguguran kandungan, menjadi mangsa rogol, penipuan, dan kematian ahli keluarga (Nur Hanis, 2022). Situasi-situasi ini mewujudkan tekanan emosi yang besar, bukan sahaja kepada ibu bapa, malah juga kepada anak-anak yang memerlukan kestabilan kasih sayang dan nilai murni dalam proses tumbesaran.

Selain itu, fenomena “parental burnout” semakin membimbangkan. Parental burnout merujuk kepada sindrom di mana ibu bapa mengalami tekanan melampau sehingga hilang keyakinan diri untuk melaksanakan tanggungjawab keibubapaan, malah berasa kehabisan tenaga akibat bebanan tugasan harian dan masalah keluarga yang berpanjangan (Mstar Famili, 2024).


Menurut Mikolajczak dan Roskam (2020), *parental burnout* dapat dikenal pasti melalui tiga dimensi utama: keletihan emosi yang melampau, jarak emosi terhadap anak, dan perasaan tidak berkesan dalam peranan keibubapaan. Keletihan emosi yang dimaksudkan bukan sekadar rasa penat secara fizikal, tetapi melibatkan keletihan mental yang membuatkan ibu bapa merasa sukar untuk menjalankan tanggungjawab asas keibubapaan. Sesetengah ibu bapa mula menjauhkan diri secara emosi daripada anak sebagai mekanisme pertahanan, walaupun secara fizikal masih bersama mereka (The Times, 2025). Lebih membimbangkan, rasa kasih sayang terhadap anak yang selama ini menjadi pendorong utama dalam keibubapaan boleh beransur-ansur berkurangan, digantikan dengan rasa tidak sabar dan tertekan (The Guardian, 2025).

Kurangnya masa interaksi berkualiti antara ibu bapa dan anak akan mengurangkan peluang penanaman nilai melalui teladan dan perbualan dalam keluarga. Lebih memburukkan keadaan, tanpa kesedaran “digital parental awareness”, teknologi sering dijadikan pengganti interaksi fizikal yang penting ini.

Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan bahawa pada tahun 2023, jumlah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat sebanyak 26.1%, iaitu 8,536 orang berbanding 6,770 orang pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, kanak-kanak perempuan mencatatkan angka yang lebih tinggi (5,418 orang) berbanding kanak-kanak lelaki (3,118 orang). Statistik ini jelas membuktikan bahawa krisis nilai dalam asuhan memerlukan perhatian

serius, terutamanya dalam memperkukuh peranan keluarga sebagai benteng utama pembentukan sahsiah. Namun, kanak-kanak lelaki yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mencatatkan peningkatan lebih tinggi iaitu 26.4 peratus berbanding kanak-kanak perempuan (25.9%) dalam pada tempoh yang sama. Secara rumusannya, statistik tersebut dapat disusun dan digambarkan sebagaimana Rajah 1.0 di bawah:

**Rajah 1.0 : Bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut jantina, Malaysia, 2022 dan 2023
(Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat)**



Manakala bilangan kes kesalahan seksual melibatkan kanak-kanak yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia pula meningkat 26.5 peratus pada 2023 kepada 1,567 kes berbanding 1,239 kes pada 2022. Kesalahan amang seksual secara fizikal merekodkan bilangan kes tertinggi pada 2023 iaitu 1,389 kes, diikuti oleh kesalahan amang seksual secara bukan fizikal (91 kes) dan pornografi kanak-kanak (67 kes). Secara rumusannya, jenayah keslaahan tersebut dapat disusun dan digambarkan sebagaimana Jadual 1.0 di bawah

Jadual 1.0 : Kesalahan seksual melibatkan kanak-kanak mengikut jenis kesalahan, Malaysia, 2022 dan 2023

Jenis kesalahan	2022	2023	Peratus sumbangan (%)
Pornografi kanak-kanak	28	67	4.3
Komunikasi secara seksual dengan kanak-kanak	15	16	1.0
Pengantunan kanak-kanak	2	4	0.3
Perjumpaan selepas pengantunan kanak-kanak	1	0	0.0
Amang seksual secara fizikal	1,147	1,389	89.2
Amang seksual secara bukan fizikal	46	91	5.8
Jumlah	1,239	1,567	100.0

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2023)

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Islam menekankan kepentingan kasih sayang sesama manusia termasuklah hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak. Perlakuan zalim sebegini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya pada surah al-Israa ayat 31.

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةً إِمَّا نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar”.

Rasulullah SAW turut memberikan amaran tentang larangan mendera kanak-kanak. Baginda bersabda (Al-Bukhari, 2001: 3014; Muslim, t.th.: 1744)

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ، عَنْ نَافِعٍ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - أَخْبَرَهُ أَنَّ امْرَأَةً وَجِدَتْ فِي بَعْضِ مَغَازِي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَقْتُولَةً، فَأَنْكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَتْلَ النِّسَاءِ وَالصِّبْيَانِ.

Maksudnya: “Telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Yunus, telah mengkhabarkan kepada kami Al Laits dari Nafi', dari Abdullah bahawa seorang wanita telah didapati terbunuh dalam sebahagian peperangan yang diikuti Rasulullah SAW, kemudian Rasulullah SAW mengingkari pembunuhan wanita dan anak-anak”.

Imam al-Ghazali dalam karya agungnya *Ihya' Ulum al-Din* (2023) menjelaskan bahawa kanak-kanak adalah amanah Allah dan ibarat kain putih yang suci. Oleh itu, pendidikan awal memainkan peranan penting dalam mencorakkan nilai dan jati diri mereka. Beliau menyarankan pendekatan yang menyeluruh dan berperingkat dalam membentuk akhlak.

Penerapan praktikal dalam asuhan sebagaimana pandangan al-Ghazali ialah Qudwah Hasanah pendidikan melalui teladan, latihan amali dan pembiasaan akhlak baik (*i'tiyad*), ganjaran dan hukuman yang seimbang, nasihat yang bersifat kasih sayang, didikan spiritual dan rohani (*tazkiyah al-nafs*).

Setiap tindak-tanduk ibu bapa, guru mahupun masyarakat sekeliling melalui percakapan, berpakaian, cara solat, memberi salam adalah contoh kepada anak-anak. Kanak-kanak usia 3–6 tahun sangat mudah meniru perbuatan orang dewasa. Latihan kebiasaan amal soleh (*I'tiyad*) seperti membaca doa sebelum makan, memberi salam, menyebut nama Allah ketika memulakan sesuatu, dilakukan secara berulang-ulang setiap hari. Latihan mengambil wuduk, membaca al-Quran secara *talaqqi musyafahah* turut dijadikan sebahagian rutin harian sama ada di rumah mahupun di sekolah, TASKA atau TADIKA. Ini selaras dengan kaedah al-Ghazali yang menekankan pengulangan amal baik agar ia menjadi tabiat kekal (Nur Hafidz, 2025).

Seterusnya pendekatan nasihat dengan kasih sayang. Berbeza dengan pendekatan hukuman kasar, sistem pendidikan Islam moden yang mengikuti pendekatan al-Ghazali menggunakan nasihat lembut dan muhasabah jiwa. Sebagai contoh, jika berlaku pergaduhan kecil antara adik beradik atau bersama awan-kawan di sekolah, ibu bapa atau pendidik perlu membimbing dengan dialog akhlak: “Bagaimana Rasulullah melayan sahabatnya? Apa yang Allah suka jika kita bergaduh?”. Ini membantu anak membentuk nilai berpaksikan hati, bukan ketakutan kepada hukuman semata-mata.

Seterusnya melalui penerapan nilai melalui kisah & permainan Islamik. Al-Ghazali sangat menggalakkan penggunaan cerita sebagai medium asuhan. Pendekatan *storytelling* digunakan untuk menyampaikan kisah Nabi, para sahabat, dan tokoh salafusoleh. Melalui permainan edukatif seperti teka nilai Islam, puzzle akhlak, atau lakonan situasi, kanak-kanak diasuh untuk mengenal dan mencintai nilai murni dengan cara yang menyenangkan.

Selain itu melalui integrasi pendidikan ruhani dan kognitif. Al-Ghazali menentang sistem pendidikan yang hanya mementingkan intelek tanpa membina roh. Pendekatan holistik dan rabbani dijadikan tunjang utama, di mana pengajaran merangkumi pembangunan jasmani (aktiviti fizikal), emosi (EQ), rohani (tazkiyah), dan akal (pemikiran kritis) contohnya, kanak-kanak bukan sahaja diajar menulis huruf hijaiyah, tetapi juga memahami maksud dan adab membaca al-Quran.

Manakala menurut pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas seorang cendekiawan kontemporari terkemuka membezakan konsep *ta'dīb* (pembentukan adab dan akhlak) dengan *tarbīyah*. Menurutnya, pendidikan Islam bukan sekadar pengajaran ilmu, tetapi transformasi moral dan spiritual yang menyeluruh. Ta'dīb mencakup aspek moral-agama serta integrasi nilai transendental, kognitif dan psikomotorik dalam struktur sistem pendidikan Islam.

Kontekstualisasi adab, Al-Attas menekankan perlunya pendidikan yang kontekstual iaitu menghubungkan nilai-nilai tradisional Islam dengan kultur dan cabaran masyarakat masa kini. Matlamatnya adalah untuk melahirkan insan kamil yang seimbang antara dimensi vertikal (kepatuhan terhadap Allah) dan horisontal (tanggungjawab sosial).

Seterusnya al-Attas melihat sekularisme sebagai sumber utama kemerosotan moral dan hilangnya aqidah umat Islam. Melalui proses *islamization of knowledge* iaitu penyerapan ilmu moden dalam bingkai nilai Islam beliau menyarankan pendekatan pendidikan yang berakar kepada nilai Islam dan rasional berasaskan wahyu dan akal. Menurut pandangan Al-Attas, tujuan sistem pendidikan adalah membangun karakter unggul: manusia beradab, berintegriti, seimbang secara spiritual dan intelektual. Ini dicapai dengan memberikan ruang pada iman (domain afektif) sebagai pusat pembentukan sikap dan nilai hidup kanak-kanak. Syed Muhammad Naquib al-Attas menawarkan sebuah paradigma asuhan yang bukan sekadar membina ilmu, tetapi membentuk insan yang beradab, berakhlak, dan berintegriti. Pendekatan *ta'dīb* dan *adab* yang dikontekstualisasikan menjadikan pendidikan awal Islam tidak sekadar mengejar akademik, tetapi mendidik jiwa anak-anak agar menjadi insan kamil yang seimbang. Ini adalah platform penting dalam menangani krisis nilai dalam asuhan masa kini.

Melalui kajian terhadap teks Islam klasik dan moden yang dibahaskan ini, orang dewasa khususnya ibu bapa dan pengasuh/pendidik perlu mengambil beberapa langkah perlindungan yang bijak dan praktikal. Salah satunya adalah dengan menggunakan tetapan privasi yang sesuai di media sosial. Ibu bapa harus memastikan bahawa gambar dan video anak-anak hanya boleh dilihat oleh individu yang dikenali dan dipercayai. Menggunakan ciri privasi di platform media sosial boleh membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan data peribadi dan melindungi anak-anak daripada ancaman luar yang tidak diingini (Razak, 2021).

Selain itu, adalah penting bagi ibu bapa untuk berbincang dengan anak-anak mereka mengenai apa yang mereka selesa dan tidak selesa untuk dikongsikan di internet. Melibatkan anak-anak dalam keputusan ini memberi mereka rasa kawalan terhadap imej digital mereka, sekaligus membantu membentuk persepsi positif terhadap privasi mereka. Apabila anak-anak sudah cukup dewasa, perbincangan terbuka mengenai batasan perkongsian maklumat membantu ibu bapa memahami perasaan mereka dan memastikan bahawa setiap perkongsian dilakukan dengan persetujuan bersama (Razak, 2021).

Ibu bapa juga digalakkan untuk menyimpan kenangan keluarga secara lebih peribadi, seperti dalam album keluarga yang hanya boleh diakses oleh orang terdekat. Ini adalah cara yang lebih selamat dan bertanggungjawab untuk menyimpan momen-momen berharga tanpa pendedahan kepada dunia luar. Pengurangan pendedahan anak-anak kepada umum, ibu bapa dapat memastikan bahawa privasi anak-anak mereka tetap terjaga.

Dunia digital yang semakin terbuka hari ini, ibu bapa perlu lebih bijak dalam membuat keputusan tentang perkongsian foto dan maklumat mengenai anak-anak mereka. Setiap gambar atau cerita yang dimuat naik ke media sosial bukan sahaja menceritakan kisah kehidupan keluarga, tetapi juga membuka ruang untuk orang ramai mengakses maklumat peribadi yang mungkin tidak diinginkan. Oleh itu, sebelum memuat naik sebarang kandungan, ibu bapa perlu berfikir dua kali tentang kesan jangka panjang yang boleh berlaku, terutama apabila anak-anak mereka semakin dewasa dan mula memahami impak perkongsian tersebut (Gligorić, 2019).

Pendekatan pendidikan yang diketengahkan oleh al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas sudah tentu selari dengan prinsip manhaj rabbani, iaitu satu pendekatan pendidikan yang berpaksikan wahyu Allah SWT sebagai asas pembentukan insan. Asuhan manhaj rabbani merupakan proses asuhan dan didikan berteraskan tauhid, pengukuhan akidah, penanaman akhlak mulia, serta pengintegrasian ilmu duniawi dan ukhrawi dalam kehidupan seharian.

Konsep *ta'dīb* yang menitikberatkan pembentukan adab dan akhlak seiring penguasaan ilmu secara menyeluruh sangat bertepatan dengan teras manhaj rabbani. Kedua-duanya menolak pemisahan antara ilmu dan nilai, malah menegaskan bahawa proses pendidikan yang sebenar adalah membentuk manusia beradab, berintegriti, dan tunduk kepada perintah Allah. Dengan itu, pencapaian akademik tidak dilihat sebagai matlamat tunggal, sebaliknya diiringi oleh pembinaan rohani, moral, dan sosial yang seimbang.

Oleh itu, penggabungan pandangan al-Attas tentang *ta'dīb* dengan prinsip manhaj rabbani menawarkan suatu model asuhan yang mampu menangani krisis nilai masa kini. Ia mengangkat pendidikan awal kanak-kanak daripada sekadar proses kognitif kepada pembentukan jiwa dan sahsiah yang berterusan, selaras dengan matlamat akhir pendidikan Islam malah mampu melahirkan hamba Allah yang soleh, berilmu, beradab, dan memberi manfaat kepada masyarakat.

5. PENUTUP

Krisis nilai dalam asuhan kanak-kanak pada masa kini berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait, termasuk tekanan ekonomi keluarga, perubahan struktur rumah tangga, pengaruh negatif media sosial, serta kelemahan bimbingan rohani dan moral daripada persekitaran terdekat. Kanak-kanak yang berada pada usia awal, khususnya 3 hingga 6 tahun, berada pada fasa perkembangan yang pesat dan bersifat meniru, menjadikan setiap tindak-tanduk ibu bapa, guru, dan masyarakat sebagai cerminan nilai yang akan membentuk peribadi mereka.

Pandangan al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas menawarkan kerangka yang saling melengkapi. Al-Ghazali menekankan kepentingan latihan kebiasaan amal soleh (*i'tiyād*) melalui pengulangan amalan baik seperti membaca doa, memberi salam, melaksanakan solat, dan membaca al-Quran, sehingga tertanam sebagai tabiat kekal dalam diri anak-anak. Pendekatan ini berasaskan prinsip bahawa pengulangan amal yang baik membentuk akhlak yang mapan serta menjadi benteng daripada pengaruh buruk. Manakala al-Attas menegaskan konsep *ta'dīb* sebagai inti pendidikan Islam. Pembentukan insan beradab melalui integrasi dimensi spiritual, moral, intelektual, dan sosial. Beliau melihat pendidikan bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi transformasi diri yang berteraskan iman, adab, dan integriti.

Melalui pengamalan manhaj rabbani dalam asuhan kanak-kanak, nilai-nilai tradisional Islam yang disarankan al-Ghazali dan al-Attas dapat dihidupkan kembali dalam konteks masyarakat moden.

Pendidikan awal bukan sekadar mengajar kemahiran asas membaca dan menulis, tetapi turut menanam rasa cinta kepada Allah, menghormati ibu bapa dan guru, menjaga hubungan dengan rakan sebaya, serta berakhlak mulia dalam semua aspek kehidupan. Pendekatan ini dapat membentuk kanak-kanak sebagai insan kamil yang bukan sahaja cemerlang dalam ilmu pengetahuan, tetapi juga matang dalam pertimbangan moral dan kukuh dalam pegangan agama.

6. RUJUKAN

- Adibah, S. @. (2020). Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal. *Sains Insani*, 98-106.
- Al-Attas , Syed Muhammad Naquib al-Attas . 1980.*The Concept Of Education In Islam* – ABIM. Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī (2023). *Ulūm ad-Dīn*. Dar Ibn Hazm.
- DOSM. (2024, November 1). *Statistik Kanak-kanak Malaysia, 2024*. Retrieved from Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi Malaysia: <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/children-statistics-malaysia-20244>
- G S Cheah, W. Y. (2016, Jun). *A Review of Research on Child Abuse in Malaysia*. Retrieved from National Library of Medicine: <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/27801391/>
- Irsyad, W. A. (2024, Oktober 15). *Majlis Keselamatan Negara*. Retrieved from Peningkatan Obesiti Dalam Kalangan Kanak-Kanak: <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/10/15/peningkatan-obesiti-dalam-kalangan-kanak-kanak/>
- Kamarudin, S. (2025, Februari 14). *Risiko Sharenting Dalam Dunia Digital Dan Kesannya Kepada Anak*. Retrieved from Tinta Minda: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2390181>
- KPWPKM (31 Januari 2022) Kanak-kanak Melayu yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan Mengikut Jantina dan Jenis Kes: https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/kanak-kanak-melayu-yang-memerlukan-pemeliharaan-dan-perlindungan-mengikut-jantina-dan-jenis-kes
- Naquiah, N. S. (2017). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies* , 87-93.
- Nur Hanis, A. H. (2022). Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia. *Conference: Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)*, 4(1) 2022 (pp. 365-371). Johor: UTM.
- Nwoko, H. (2025, Julai 22). *EXCLUSIVE: Dr. Jonathan Haidt Is Leading a Parenting Movement—Here's What He Wants You to Know About Technology and Kids' Mental Health*. Retrieved from [www.parents.com](https://www.parents.com/next-gen-winner-jonathan-haidt-11774151?utm_source): https://www.parents.com/next-gen-winner-jonathan-haidt-11774151?utm_source
- M. Saiyid Mahadhir (2019) Pendidikan Islam Menurut Al-Ghazali. *RAUDHAH Proud To Be Professionals Jurnal Tarbiyah Islamiyah*, Volume 4 Nomor 1 Edisi Juni 2019. 2541-3686
- Razak, N. A. (2021, Mac 20). *Pendedahan Teknologi Media Baharu Terhadap Kanak-Kanak: Peranan Ibu Bapa*. Retrieved from USIM: https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pendedahan-teknologi-media-baharu-terhadap-kanak-kanak-peranan-ibu-bapa/?utm_source
- Rindi, E. S. (2024). Parental Phubbing dan SmartPhone Addiction pada Remaja. *Jurnal Diversita*, 162-166.
- Zhang, J. D. (2023). Parental Phubbing and Child Social-Emotional Adjustment: A Meta-Analysis of Studies Conducted in China. . *Psychology Research and Behavior Management*,, 4267–4285